

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
(TALKING POINTS)**

**PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR
EN JHN RAMPAI**

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS SAMBUTAN HARI BUMI TAHUN 2025
PERINGKAT SARAWAK**

TARIKH: 21 APRIL 2025

TEMPAT: POLITEKNIK KUCHING

SALUTATION

1. YB Datuk Haji Len Talif Salleh
Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Sarawak
 2. Yang Berusaha En. John Anak Rampai, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
 3. Yang Berusaha Datu Jack Anak Liam
Controller Kualiti Alam Sekitar
Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak
 4. Yang Berusaha En Stephen Chin
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.
 5. Yang Berusaha En Samsudin bin Mohd Saleh
Pengarah Politeknik Kuching
 6. Yang Berusaha Cr. Tan Kai
Pengerusi Majlis Perbandaran Padawan
 7. Ketua-ketua dan wakil Jabatan Persekutuan dan Negeri
 8. Pengamal media
- Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian

Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang dapat meluangkan masa pada pagi ini untuk kita dapat menyambut Majlis Sambutan Hari Bumi 2025 Peringkat Negeri Sarawak. Sambutan kali ini mengabungkan Kerjasama antara agensi kerajaan, industry dan pengajian tinggi bagi menunjukkan komitmen dan Kerjasama didalam kempen kesedaran pemuliharaan dan pemeliharaan kesejahteraan bumi yang kita diami dan akan diwariskan kepada generasi akan datang.

2. Penghargaan kepada penganjur Sambutan Hari Bumi 2025 Peringkat Sarawak.

- Sambutan kali ini mengabungkan kerjasama yang strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, Industri dan juga Komuniti.
- Kerjasama ini menunjukkan kesepakatan dan komitmen dari semua lapisan masyarakat mampu memelihara dan menjaga bumi ini.

SAMBUTAN HARI BUMI

3. Tarikh Sambutan Hari Bumi

- Hari Bumi mula disambut pada 22 April 1970. Bermula dari itu, sambutan Hari Bumi seluruh dunia disambut di 192 buah negara pada 22 April.

4. Tema Sambutan Hari Bumi Tahun 2025

- Bertemakan "Our Power, Our Planet", tema ini membawa maksud yang mendalam dan amat relevan dengan situasi alam sekitar

global hari ini. Ia menekankan bahawa setiap daripada kita memiliki kuasa dan tanggungjawab untuk melindungi bumi — sama ada melalui tindakan kecil seperti mengitar semula, menjimatkan tenaga, atau menyebarkan kesedaran dalam komuniti.

- Konsep sambutan tahun diadakan di pengajian tinggi bagi menerapkan dan memperkasakan kesedaran sayangi bumi di kalangan pelajar dan menggalakkan pelajar dan pengajar di IPT untuk menjalankan kajian dan inovasi yang memberi manfaat bukan sahaja kepada ekonomi dan juga kepada kelestarian alam sekitar.
- Penglibatan komuniti setempat didalam mencintai bumi dan alam sekitar juga adalah penting kerana komuniti adalah universiti bagi anak-anak yang melihat apa tindakan kita didalam menjaga dan mencintai alam ini.

AKTIVITI SEMPENA HARI BUMI 2025

- **Program Pembersihan Pantai**

Program Pembersihan Pantai diadakan pada **19 April 2025** di **Kampung Trombol**. Program ini bertujuan untuk **membersihkan kawasan pantai serta mengurangkan pencemaran plastik di alam sekitar**, sekaligus memberi contoh kepada komuniti tentang pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar secara bersama. Saya menyeru semua pihak, terutama golongan muda, untuk turun padang dan menjadi sebahagian daripada usaha ini dalam memastikan persekitaran kita sentiasa bersih dan terjaga.

Sebanyak lebih kurang 1.4 Metrik Tan sampah yang Berjaya dikutip sepanjang program yang mengambil masa setengah hari.

Program ini disertai oleh Komuniti Kg Trombol, Pelajar-Pelajar Politeknik Kucing, Majlis Perbandaran Pandawan, Trieneken (M) Sdn. Bhd. Dan Jabatan Alam Sekitar Sarawak.

- **Pertandingan Bakat Pelajar Bertemakan Hari Bumi atau Polycc Talent 17**

Program ini melibatkan bakat belia daripada pelajar-pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negeri Sarawak iaitu PolyCC Talent kali ke 17.

Pertandingan ini memberi ruang kepada para pelajar untuk menonjolkan bakat mereka. Inspirasi pertandingan ini adalah untuk **menggalakkan generasi muda menjadi suara alam sekitar.**

- **Pertandingan "Treasure Hunt" Sempena Hari Bumi 2025 (Tema: Our Power, Our Planet)**

Pertandingan ini direka bagi **menggalakkan peserta meneroka dan mengenali elemen alam sekitar dengan lebih dekat secara menyeronokkan.** Ia menggabungkan elemen pembelajaran, kerjasama kumpulan, dan eksplorasi sambil menyampaikan mesej kelestarian. Inspirasi pertandingan ini datang daripada keperluan untuk menjadikan pendidikan alam sekitar sesuatu yang hidup dan menarik — bukan hanya di dalam bilik darjah, tetapi di luar, di alam semula jadi itu sendiri.

- **Pertandingan Dekorasi Kek Bertemakan Alam Sekitar**
Satu pertandingan yang unik di mana **peserta menyalurkan mesej penjagaan alam melalui seni hiasan kek.** Ia menunjukkan

bahawa mesej alam sekitar boleh disampaikan melalui pelbagai medium — termasuk kulinari. Inspirasi di sebalik pertandingan ini adalah untuk **menggabungkan kreativiti dan kesedaran**, di mana kek bukan sekadar pencuci mulut, tetapi satu platform ekspresi seni berkonsep hijau.

- **Pertandingan Membina Arca Dari Bahan Buangan Kitar Semula (Tema: Our Power, Our Planet)**

Pertandingan ini mengajak peserta untuk **melihat sisa sebagai sumber, bukan beban**. Dengan menggunakan bahan buangan, peserta diminta membina arca yang mempunyai mesej dan nilai artistik, sekali gus menyampaikan pentingnya kitar semula dan ekonomi sirkular. Ia memberi inspirasi bahawa **dalam setiap bahan terbuang, ada potensi untuk mencipta sesuatu yang bermakna** selari dengan kuasa kita untuk mengubah dan menyelamatkan planet ini.

- **Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (BEE) Dan Minyak Masak Terpakai**

Selain kitar semula buangan domestik, pelupusan buangan terjadual seperti buangan elektrik dan elektronik yang tidak sistematik telah menyebabkan masalah pencemaran udara, air dan tanah tanih. Buangan Elektrikal dan Elektronik mempunyai komponen yang boleh di olah semula untuk menghasilkan bahan produk yang bernilai dipasarkan. Program dan kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (BEE) Isi Rumah yang mensasarkan komuniti setempat di mana orang ramai digalakkan mengumpul dan menyerahkan BEE kepada syarikat yang telah dilesenkan oleh JAS untuk diproses dengan sewajarnya tanpa mencemarkan alam

sekitar ekoran daripada aktiviti pembuangan bahan-bahan e-waste tanpa kawalan.

Selain itu, di Program ini juga mengajak orang ramai untuk menghantar minyak terpakai kepada pihak yang sedia menerimanya. Minyak terpakai yang dibuang terus ke longkang awam boleh menyebabkan pencemaran kepada sungai.

- **PAMERAN DAN CERAMAH**

Pempamer:

Jabatan Alam Sekitar Sarawak

Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.

Politeknik Kuching

Majlis Perbandaran Padawan

Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak

Lembaga Sungai-Sungai Sarawak

Jabatan Kesihatan Sarawak

Jabatan Belia Dan Sukan Sarawak

Jabatan Hutan Sarawak

Kolej Komuniti Mas Gading

Universiti Malaysia Sarawak

Sarawak Forestry Corporation

Ceramah :

Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.

Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak

Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Sarawak

Jabatan Alam Sekitar Sarawak

PENGHARGAAN

Merakamkan ucapan terima kasih rakan strategic kami iaitu Sarawak Trieneken Sdn Bhd, Politeknik Kuching, Majlis Pemandaran Padawan, Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak dan lain-lain agensi serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan ini termasuk rakan-rakan media, rakan-rakan strategic, pelajar-pelajar serta komuniti setempat.